



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 4/2020

**- KEPERLUAN MERANCANG CUTI REHAT DALAM MEMASTIKAN
KELANCARAN AKTIVITI UNIVERSITI**



JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199
Faks (Fax): 604-928 3104
Laman Web (Web): www.pendaftar.uum.edu.my

Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6

Tarikh : 10 Februari 2020

Semua Dekan/Pengarah/Pengetua INASIS
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 4 TAHUN 2020
- KEPERLUAN MERANCANG CUTI REHAT DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN AKTIVITI UNIVERSITI

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./tuan/puan terhadap Pekeliling Pendaftar Bilangan 9 Tahun 2017 tentang keperluan staf merancang cuti agar tidak menjejaskan urusan kerja di Jabatan masing-masing.
3. Pada setiap awal semester terdapat beberapa aktiviti penting yang menjadi rutin dalam pengurusan Universiti dan amat memerlukan komitmen staf bagi memastikan aktiviti berkenaan berjalan lancar serta dapat memenuhi kehendak pelanggan, khususnya dalam kalangan pelajar.
4. Beberapa aktiviti penting Universiti seperti pendaftaran pelajar baru, minggu pendaftaran kursus (gugur tambah kursus), minggu peperiksaan, majlis Konvokesyen dan sebagainya tanpa keberadaan staf berkenaan melaksanakan peranan yang diberikan, boleh menyebabkan ianya tidak dapat disempurnakan dengan baik serta menyukarkan pelajar.
5. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./tuan/puan memantau pengambilan cuti staf agar mereka yang terlibat dengan tanggungjawab penting dalam sesuatu program Universiti tidak mengambil cuti sepanjang tempoh aktiviti berkenaan sedang berlangsung.
6. Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah


(AHMAD RASIDI ABDULLAH)
Timbalan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

s.k - Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University

